



**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)**

Kementerian atau Jabatan:

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
Ibu Pejabat SPRM
No. 2, Lebuh Wawasan
Presint 7, 62250, Putrajaya

Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan aset	No. Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan (RM)	Deposit Sebut Harga (RM)
1	Bas 40 penumpang, Scania L941B4x2	WLA 6000	1	20,000.00	1,000.00

Jadual 1

2. Penyebut harga yang berminat digalakkan hadir untuk melihat aset berkenaan. Aset ini boleh dilihat pada **25 April 2024** antara **jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang** di lokasi seperti berikut:

LOT ITEM	LOKASI ITEM DIPAMERKAN	PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI
1	Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Putrajaya	1. Puan Zarina binti Raimee (No Tel :017-2803256) 2. Encik Anuar bin Kamaruddin (No Tel :011-28861487)

3. Syarat-syarat dan peraturan sebut harga adalah seperti berikut:

- a) Penyebut harga dikehendaki menyertakan resit deposit sebut harga dengan jumlah seperti dinyatakan dalam Jadual 1. Deposit sebut harga hendaklah dibuat dalam bentuk *bank draf* daripada bank berlesen atas nama **KETUA PESURUHJAYA SPRM**.
- b) Bagi tujuan mendapatkan resit rasmi bagi pembayaran deposit akan bermula pada **25 April 2024 hingga 02 Mei 2024** (hari bekerja), jam **9.00 pagi hingga jam 3.30 petang**. Kaunter pembayaran akan ditutup semasa waktu rehat.

- c) Waktu rehat adalah pada jam **1.00 tengahari hingga 2.00 petang** (Isnin-Khamis) dan jam **12.15 tengahari hingga 2.45 petang** (Jumaat). Manakala pada hari sebut harga ditutup, kaunter akan ditutup pada pukul **11.00 pagi**.
 - d) Dokumen yang diperlukan bagi bayaran pengeluaran resit rasmi adalah **KENYATAAN TAWARAN IKLAN SEBUT HARGA DAN SALINAN KAD PENGENALAN.**
 - e) Setiap tawaran lot hendaklah menggunakan borang tawaran yang berasingan dan bayaran deposit yang berasingan. Sila masukkan satu borang tawaran dan satu set dokumen sahaja di dalam satu sampul surat. Sila kepilkan bersama:
 - i) **Salinan Kad Pengenalan/Sijil Pendaftaran Syarikat;**
 - ii) **Salinan Penyata Akaun Bank/Pengesahan Akaun Individu/yang aktif/terkini; dan**
 - iii) **Resit rasmi pembayaran deposit yang dikeluarkan oleh SPRM.**
 - f) Tawaran tanpa deposit sebut harga seperti yang dinyatakan, borang tawaran tanpa salinan resit rasmi pembayaran dan setiap borang yang tidak dikepilkan dokumen sokongan serta dokumen sokongan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.
 - g) Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
 - h) SPRM tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
 - i) Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (dismantle), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh penyebut harga sendiri.
 - j) Penyebut harga yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh 14 hari dari tarikh Surat Setuju Terima yang dikeluarkan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
 - k) Penyebut harga yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 1 minggu selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Suruhanjaya ini berhak untuk melupuskan aset tersebut.
 - l) Sebut Harga ini ditawarkan kepada syarikat tempatan dan individu yang berminat. Pegawai dan kakitangan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak dibenarkan menyertai Sebut Harga ini bagi mengelakkan kepentingan persendirian (*conflict of interest*).
3. Penyebut harga yang berminat untuk menyertai tawaran sebut harga hendaklah menggunakan Borang Tawaran yang boleh diperoleh di alamat:

**Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
Bahagian Kewangan, Akaun dan Pembangunan
Cawangan Pembangunan, (Pintu B)
Aras 8, Blok A,
No.2, Lebu Wawasan,
Presint 7,
62550 Putrajaya
Wilayah Persekutuan Putrajaya.**

Sekiranya terdapat pertanyaan mengenai sebut harga ini, boleh hubungi;

- i) Puan Razima Aima binti Hamzah (03-8891 1871),
- ii) Puan Hani Norsheida binti Rezali (03-8891 1101).

Tawaran ini adalah sah bagi tempoh 90 hari.

4. Semua borang tawaran yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat *bertakri* dan ditanda dengan **No Sebut Harga: 2024/01** dan dihantar melalui **SERAHAN TANGAN** ke dalam Peti Sebut Harga di alamat:

**Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
Bahagian Kewangan, Akaun dan Pembangunan
Aras 9, Blok A,
No.2, Lebu Wawasan,
Presint 7,
62550 Putrajaya
Wilayah Persekutuan Putrajaya.**

5. Tarikh tutup sebut harga adalah pada **02 Mei 2024, jam 12.00 tengahari**. Sebut harga yang diterima lewat **tidak akan dipertimbangkan**.



SUKAIRI BIN SAMSUDIN
Pengarah
Bahagian Kewangan, Akaun Dan Pembangunan
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia